

NO. SOALAN: 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 7 OKTOBER 2014

RUJUKAN : 7104

SOALAN:

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha berkesan Kerajaan untuk membendung penyeludupan dadah dan senjata api serta bahan api melalui kawasan sempadan dan perairan Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Negara Malaysia sebagai sebuah negara maritim dengan keluasan Perairan Wilayahnya (MTW) seluas 142,393.4 km persegi manakala Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) seluas 450,233 km persegi menjadi tumpuan dunia terutama dalam urusan perdagangan serta menjadi laluan utama antara Timur dan Barat. Kedudukan geografi Malaysia yang berjiran dengan Thailand, Singapura, Brunei dan Indonesia menjadikan negara mempunyai sempadan darat yang panjang dan luas. Contohnya sempadan Malaysia - Thailand di negeri Kelantan adalah sepanjang 640 KM dan dari jumlah itu 551 KM adalah sempadan darat dan 90 KM adalah sempadan mengikut aliran utama sungai Golok. Kerajaan telah merangka strategi dan melaksanakan tindakan untuk menjaga sempadan perairan dan daratan daripada dicerobohi musuh serta mengawal penyeludupan senjata api, dadah serta bahan kawalan yang lain. Antara tindakan yang diambil adalah:

- i) Mempertingkatkan hubungan kerjasama di peringkat antarabangsa dalam bertukar dan berkongsi maklumat risikan seperti dengan Badan Koordinasi Keamanan Laut Republik Indonesia (BAKORKAMLA) di bawah payung Malaysia-Indonesia General Border Committee (MALINDO-GBC) dan dengan Negara ASEAN yang lain.**

- ii) Menggalakkan pertukaran maklumat antara negara ahli melalui sekretariat ASEANAPOL atau melalui e-ADS (Aseanapol Data System) perkara berkaitan keselamatan sempadan dan perairan negara.
- iii) Mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan dalam negara seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) untuk meningkatkan lagi penguatkuasaan di sempadan negara.
- iv) Membuat penambahan keanggotaan terutama di Sabah di bawah ESSCOM, dengan mewujudkan 3 batalion Pasukan Tentera dan 3 Batalion Pasukan Gerakan Am (PGA) di samping mewujudkan balai-balai polis baru di kawasan berkenaan untuk mengawal perairan timur Sabah.
- v) PDRM juga sedang membuat kajian bagi mendirikan pos keselamatan di Kg Wai Perlis sebagai langkah mengekang penyeludupan di kawasan tersebut. Majlis Keselamatan Negara akan menyediakan peruntukan bagi membina pos tersebut yang dijangkakan akan dilaksanakan pada tahun 2015. Perolehan *Ballistic Sentry Pos* juga sedang dilaksanakan oleh PDRM untuk ditempatkan di beberapa pos di sempadan Malaysia Thailand di Negeri Kedah / Perlis.

- vi) Pihak Kerajaan telah bersetuju Pasukan Marin Polis dan Pasukan Gerakan Am di bekalkan dengan bot-bot laju yang canggih untuk tujuan membuat rondaan di perairan dan juga pulau-pulau di Sabah. Anggaran perbelanjaan untuk pembelian aset-aset baru yang canggih telah dikemukakan dalam RMK 11 yang berjumlah RM35,886,250.00.**
- vii) Pihak Kementerian telah mengemukakan cadangan kepada Kerajaan untuk membina pagar keselamatan yang baru di sempadan antara Thailand dan Malaysia di Kelantan dan di sempadan Malaysia dan Indonesia di Sarawak, di samping cadangan untuk menggantikan pagar berduri kepada tembok konkrit di sempadan Malaysia dan Thailand di Kedah, Perlis dan Perak.**

Dengan adanya langkah yang diambil di dalam negeri dan juga kerjasama yang dijalin dengan negara luar, segala maklumat tersebut dapat dikongsi secara holistik dan bersepadu di dalam negara dan juga di peringkat antarabangsa seperti INTERPOL, ASEANAPOL, Regional Movement Alert System (RMAS) dan lain-lain badan perisikan dunia yang lain.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
[PULAI]**

TARIKH : 7 OKTOBER 2014 (SELASA)

SOALAN : 21

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk merangka Dasar Penerbangan Negara serta penubuhan Suruhanjaya Penerbangan Negara. Jika ada, bilakah ia akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sedang meneliti dan mengkaji cadangan untuk merangka Dasar Penerbangan Negara serta penubuhan Suruhanjaya Penerbangan Negara.